FD 26 484 194 2my

**TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA**
***DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA***
**DASAR DAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN**
***EDUCATIONAL POLICY AND DEVELOPMENT***
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
***MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA***
**ARAS 3, BLOK E8, KOMPLEKS E**
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**
**62604 PUTRAJAYA**
**MALAYSIA**

Tel : 03-8884 6149
Faks : 03-8884 6146
Portal : www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.600-8/20/4 ( 18 )
Tarikh : 5 Ogos 2019

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

UPP (BTPN)

**DR. MISTIRINE BINTI RADIN**
**Pengarah Pendidikan Negeri Sabah**

YBhg. Dato'/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

**PELAKSANAAN PROGRAM NILAM DAN PEREKODAN BACAAN DI SEKOLAH-SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Program NILAM yang dilaksanakan sejak tahun 1999 telah ditambah baik pada tahun 2017 selari dengan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

3. Sehubungan dengan itu, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan akan melaksanakan penambahbaikan terhadap pelaksanaan Program NILAM seperti berikut:

3.1 Format baharu perekodan NILAM telah diperkenalkan dan akan digunakan sepenuhnya di sekolah mulai tahun 2020 (seperti dalam **Lampiran A**)

3.2 Bagi pengisian data tahun 2019, sekolah bebas untuk memilih sama ada menggunakan format sedia ada (telah diperkenalkan pada tahun 2018) **ATAU** format seperti yang dinyatakan pada para 3.1

3.3 Perekodan bacaan bagi murid Tahap 1 diserapkan dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)

3.4 Pihak sekolah bebas untuk mengisi data tersebut di dalam buku rekod sedia ada atau lain-lain cara seperti di atas helaian kertas, hamparan elektronik (cth. Microsoft Excel, Google Sheets) dan sebagainya

3.5 Pihak sekolah bebas untuk menerapkan kemahiran mencatat isi penting sewaktu membaca disesuaikan dengan umur, tahap dan keupayaan murid mengikut persekitaran sekolah, antaranya, mengambil kira faktor tugas sedia ada guru

DITERIMA
22 AUG 2019
BAHAGIAN FAIL
Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Sabah

67